



**MEMO**  
**JABATAN BENDAHARI**  
**UNIT PEMBAYARAN**

Kepada : Semua  
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj)

Daripada : Bendahari

Ruj. Kami : UPSI/BEN/PEM/687 Jld. 16 (100)

Tarikh : 01 Disember 2021  
*06 Jamadilawal 1443H*

**REKUPAN DAN PEMBEKUAN PANJAR WANG RUNCIT (PWR) BAGI TUJUAN PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, pihak Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) telah membuat teguran berkenaan perbelanjaan PWR yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Sehubungan itu, bagi mengelakkan teguran berulang berlaku pada penutupan akaun bagi tahun ini, Jabatan ini menegaskan agar semua pemegang PWR di Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengambil tindakan berikut:-

TARIKH	TINDAKAN PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)
6 Dis -16 Dis 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Semua permohonan PWR perlu di bayar oleh PTj dan butang <b>paid</b> ditekan (MYFIS Neo),</li> <li>ii. PTj perlu menjana batch PWR dan menghantar dokumen rekupan PWR ke Jabatan Bendahari.</li> </ul>
17 Dis 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Paparan/<i>Screen approve</i> dan <i>paid</i> (MYFIS Neo) untuk PWR akan ditutup,</li> <li>ii. PTj perlu memastikan penghantaran dokumen rekupan PWR ke Jabatan Bendahari telah selesai dilaksanakan.</li> </ul>
20 Dis – 23 Dis 2021	Jabatan Bendahari akan memproses bayaran rekupan PWR dan di <i>bank-in</i> ke akaun wakil PTj

24 Dis 2021	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Wakil PTj perlu memasukkan tunai PWR ke peti PWR PTj,</li> <li>ii. Wakil PTj perlu menekan butang <i>cash-in</i> (MYFIS Neo),</li> <li>iii. Wakil PTJ perlu memastikan: baki PWR = <i>limit</i> PWR (semakan di sub modul <i>Petty Cash Setup</i> &gt; Paparan/Skrin <i>WCF 001 Petty Cash Information</i>).</li> </ul>
27 Dis – 31 Dis 2021	Semakan PWR oleh Unit Akaun bagi memastikan Laporan PWR selaras dengan keperluan Audit Luar.

3. Walau bagaimanapun, selepas 17 Disember 2021 Pusat Tanggungjawab masih boleh memproses tuntutan kakitangan melalui borang tuntutan wang yang didahulukan, dibilkan seterusnya mengemukakan arahan bayaran kepada Jabatan Bendahari bagi tujuan bayaran.

4. Mohon kerjasama dan tindakan segera PTj bagi mengelakkan timbul isu berbangkit berkenaan teguran JANM ke atas PWR bagi tahun ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, Y.Bhg.Prof./Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi pegawai kami iaitu En. Sayed Muhd Arif bin Sayed Yahya (6301) dan En. Nazrul Azlan bin Musa (6330).

Sekian dan segala perhatian serta kerjasama Y.Bhg.Prof./Dr./Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“UPSI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED C.A. (M), ASEAN CPA)**  
 Bendahari

s.k Naib Canselor



**UPSI**  
**No.1**  
**PENDIDIKAN**

